



Ruj. Kami : KKM.600-7/2/1 Jld. 545 (59)
Tarikh : 20 Mac 2025

Pengurus
Armila Berhad
A-08-10, Radia Office, Persiaran Arked
Bukit Jelutong, Seksyen U8
40150, Shah Alam
Selangor

Tuan/Puan,

KEPUTUSAN PERMOHONAN SEMAKAN PELABELAN MAKANAN
NAMA PRODUK: MINUMAN BOTANI CAMPURAN BERI DENGAN CENDAWAN
TREMELLA
JENAMA: LAWVA LA LUNA
NO. PERMOHONAN: FLS0325093-0


Dengan hormatnya permohonan di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Program ini **tiada halangan** ke atas label produk di atas seperti yang dilampirkan bersama-sama surat ini. Pihak tuan/puan dinasihatkan agar menggunakan label yang dilampirkan sahaja bagi tujuan pasaran produk berkenaan di negara ini.

3. Adalah dimaklumkan bahawa semakan dan penilaian ke atas permohonan ini dibuat berdasarkan kepada maklumat dan dokumentasi yang dikemukakan oleh pihak tuan/puan. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan produk tuan/puan mematuhi:

- 3.1. **Peraturan 356**, Peraturan-Peraturan Makanan 1985;
- 3.2. Peruntukan lain yang berkaitan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



KEPUTUSAN PERMOHONAN SEMAKAN PELABELAN MAKANAN
NAMA PRODUK: MINUMAN BOTANI CAMPURAN BERI DENGAN CENDAWAN TREMELLA
JENAMA: LAWWA LA LUNA
NO. PERMOHONAN: FLS0325093-0

4. Pihak tuan/puan diingatkan untuk tidak membuat sebarang akuan yang dilarang dalam sebarang aktiviti pemasaran termasuk pengiklanan dan bertanggungjawab untuk memastikan label tersebut sentiasa mematuhi segala peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya termasuk Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

5. Adalah ditegaskan bahawa surat dan nombor rujukan surat tidak boleh digunakan sebagai kelulusan atau untuk tujuan pengiklanan produk tuan/puan. Surat ini akan **terbatal** sekiranya terdapat apa-apa pengubahsuaian kepada formulasi dan label serta percanggahan maklumat dan dokumentasi yang dikemukakan semasa permohonan berbanding label produk di pasaran.

6. Jika terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Seksyen Komoditi dan Pelabelan Makanan di talian 03-8885 0796/ 0797 atau melalui emel di alamat : labelbkkm@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. NORAINI BINTI AB WAHAB)

b.p Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

NLMZ